

Tidak wajar keikhlasan Dr. M dipertikai

UM 24 JUN 2002

KOTA BHARU 23 Jun — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, tidak wajar bagi mana-mana pihak mempertikaikan keikhlasan tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan semua jawatan dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga Mursyidul Am Pas berkata, tindakan Dr. Mahathir itu mungkin untuk membolehkan golongan pemimpin lebih muda memegang semua jawatan itu.

“Ikhlas tidak ikhlas, itu barang dalam hati,” katanya di sini hari ini yang diminta mengulas tindakan Dr.

Mahathir mengumumkan beliau melepaskan semua jawatan dalam parti, semalam.

Nik Abdul Aziz berkata, Dr. Mahathir sudah tentu boleh terus kekal memegang jawatan yang dilepaskan, tetapi perlu mengubah pendekatan dengan berbaik-baik dengan Pas.